

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), sehingga 31 Mei 2015 jumlah syarikat kawalan keselamatan di seluruh Negara menurut pecahan negeri adalah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH SYARIKAT</b>
Terengganu	10
Pahang	7
Negeri Sembilan	38
Sabah	11
Sarawak	12
Kelantan	19
Perak	9
Putrajaya	6
Kedah	27
Perlis	3
Pulau Pinang	24
Johor	37
Selangor	326
Kuala Lumpur	280
Melaka	14
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>643</b>

**Bagi menjawab soalan (b) pula, pada masa ini Kerajaan hanya membenarkan warganegara Malaysia (pengawal keselamatan tempatan) dan warganegara Nepal (pengawal keselamatan asing) sahaja untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan. Setakat pada 31 Mei 2015, jumlah pengawal keselamatan warga tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di seluruh Negara adalah seramai 173,534 orang, manakala jumlah pengawal keselamatan warganegara Nepal pula adalah seramai 44,749 orang.**